



TEKS UCAPAN

YS PPjB MOHD ZAIDI BIN HJ. MA'AT
PENGARAH JBPM NEGERI MELAKA

SEMPENA

PENYERAHAN BENDERA PERTANDINGAN
NATIONAL FIREFIGHTER DRILL (NFD)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI MELAKA 2025

PADA

23 JULAI 2025 (RABU)

MASA

9.00 PAGI

TEMPAT

BBP AYER KEROH, MELAKA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra,

Salam “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam Malaysia Madani,

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis, PBK II (TBK 2) Mohamad Safiee bin Mohamad Masrom dan terima kasih juga kepada al-Fadhil PBK I Asnizam bin Kamberon yang telah membacakan doa, memohon rahmat Allah ke atas majlis pada hari ini.

Yang Berusaha, Penguasa Kanan Bomba 2 Mohd Shahrom bin Laji,
Penolong Pengarah Bahagian Operasi,

Yang Berusaha, Penguasa Bomba Mohd Faizul bin Ibrahim,
Penolong Pengarah, Bahagian Latihan

Penolong-penolong Pengarah Bahagian, Ketua - Ketua Zon, Ketua - Ketua Balai,

wakil-wakil agensi terlibat,

para peserta National Firefighter Drill (NFD) 2025,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Syukur, Alhamdulillah, marilah kita merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, kita dapat bersama-sama hadir dalam dalam Majlis Penyerahan Bendera kepada Pasukan JBPM Negeri Melaka yang akan menyertai Pertandingan National Firefighter Drill (NFD) 2025 yang bakal berlangsung di Negeri Terengganu pada 24 hingga 30 Julai 2025 ini.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua anggota yang telah terpilih untuk membawa nama JBPM Negeri Melaka ke peringkat kebangsaan. Lebih membanggakan, pasukan kita kali ini turut disertai oleh, wakil Bomba agensi iaitu Petronas, Pasukan *Emergency Response Team* (ERT) dari Honda, Pasukan Bomba Sukarela dari Lubuk Cina serta Pasukan Bomba Komuniti dari PPR Tehel.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

3. Penyertaan pelbagai latar belakang ini membuktikan bahawa semangat kesepaduan dan kolaborasi antara JBPM dan agensi luar, termasuk komuniti, amat penting dalam memperkukuh kecekapan dan keberkesanan respons kecemasan di lapangan. Inilah manifestasi sebenar konsep "*Whole of Society Approach*" dalam pengurusan keselamatan awam yang kita tekankan selama ini.
4. Pertandingan National Firefighter Drill (NFD) ini bukan sekadar medan untuk bersaing, tetapi juga platform untuk mempamerkan keupayaan fizikal, mental, kepimpinan, kerja berpasukan dan kecekapan operasi yang merupakan elemen penting dalam profesion kebombaan.
5. Kepada semua peserta, saya ingin berpesan:

- Anggaplah penyertaan ini sebagai satu penghormatan dan amanah untuk membawa nama baik negeri Melaka.
- Tunjukkan disiplin, etika kerja dan semangat berpasukan yang tinggi.
- Bertandinglelah dengan penuh integriti, hormati rakan dari negeri lain dan jadilah duta kecil JBPM Negeri Melaka sepanjang berada di sana.

6. Akhir kata, saya mendoakan agar pasukan Melaka akan memberikan persembahan terbaik dan membawa pulang kejayaan yang membanggakan. Ingatlah, kita bukan sahaja bertanding untuk menang, tetapi untuk terus membangun kapasiti dan kesiapsiagaan pasukan kita demi keselamatan rakyat Malaysia.

7. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penyerahan Bendera Pasukan JBPM Negeri Melaka sempena Pertandingan National Firefighter Drill (NFD) 2025.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.